

## :: Akses kepada Pembiayaan bagi PKS

Infrastruktur kewangan yang dibangunkan dengan baik yang dapat memenuhi keperluan pembiayaan PKS yang pelbagai adalah penting untuk menyokong daya saing dan pertumbuhan PKS yang berterusan.

Cabaran kepada industri perkhidmatan kewangan adalah untuk memahami dengan lebih lanjut keperluan pembiayaan PKS dalam kesemua sektor yang unik dan pelbagai, dan memastikan pengaturan keinstitutional yang mencukupi serta dasar kewangan yang wajar dilaksanakan bagi memenuhi keperluan PKS. Ini perlu dilengkapi dengan usaha untuk memperkukuh keupayaan PKS, termasuk dalam aspek pengurusan perniagaan dan kewangan. Yang penting adalah untuk PKS menyelenggarakan rekod perniagaan dan kewangan dengan rapi dan mengemukakan maklumat yang lengkap.

## Sumber Pembiayaan

Hasil Banci Pertubuhan dan Perusahaan 2005 (Banci) menunjukkan kebanyakan PKS menggunakan dana penjana dalam dan dana yang diperoleh daripada sahabat handai dan ahli keluarga bagi membiayai operasi mereka. Hanya 16% daripada responden PKS menyatakan bahawa mereka bergantung pada pembiayaan daripada institusi kewangan (iaitu, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan). Sebaliknya, 50% daripada syarikat besar menyatakan bahawa institusi kewangan merupakan sumber pembiayaan utama mereka.

### Sumber Pembiayaan Utama


Banci 2005	Sendiri	Lain-lain	Sahabat handai	Institusi Perbankan	IKP	Jumlah Bilangan Perusahaan
<b>PKS</b>	34%	25.7%	23.6%	13.4%	2.7%	518, 996
<b>Besar</b>	37.2%	4.7%	5.6%	47.6%	2.6%	4,136
<b>Jumlah P'buhan</b>	177,863	133,456	122,644	71,287	14,166	523,132

Sumber: Banci Pertubuhan dan Perusahaan 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend yang serupa ditunjukkan apabila dilihat dengan lebih dekat sumber pembiayaan PKS mengikut saiz. Institusi kewangan merupakan sumber pembiayaan utama bagi perusahaan bersaiz sederhana. Namun, perusahaan mikro dan kecil kebanyakannya bergantung pada dana penjana dalam. Malah, hanya 10% daripada perusahaan mikro menyatakan bahawa mereka bergantung pada institusi kewangan untuk pembiayaan.

## Kekangan yang Dihadapi PKS dalam Memperoleh Pembiayaan

Daripada sebanyak 523,132 perusahaan yang memberikan maklum balas kepada Banci itu, hanya 54,011 perusahaan menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan.



Sumber : Banci Pertubuhan dan Perusahaan 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

Banci menekankan kekurangan cagaran sebagai halangan utama yang dihadapi PKS semasa memohon pembiayaan daripada institusi perbankan. Ini diikuti dengan dokumentasi pinjaman yang tidak mencukupi dan kekurangan rekod prestasi kewangan serta daya maju perniagaan. Hampir 10% daripada responden menyatakan masa pemprosesan yang lama sebagai satu masalah.


Dapatan Banci bukan sesuatu yang unik kepada Malaysia. Satu kaji selidik PKS Eropah<sup>1</sup> menunjukkan bahawa kekurangan cagaran kebanyakannya menjejaskan perusahaan mikro dan kecil, sementara prestasi perniagaan yang lemah dan maklumat yang tidak mencukupi adalah sebab utama kegagalan perusahaan sederhana untuk memperoleh pembiayaan daripada institusi perbankan.

<sup>1</sup> Pemerhatian PKS Eropah 2003 oleh Suruhanjaya Eropah, PKS dan Akses kepada Kewangan

## Jenis-Jenis Kemudahan dan Tujuan Pembiayaan

Sejumlah 139,845 PKS memberikan maklum balas dalam Banci berhubung dengan jenis-jenis kemudahan kredit yang telah dimanfaatkan.

### Jenis Kemudahan Kredit yang Dimanfaatkan oleh PKS




Sumber : Banci Pertubuhan dan Perusahaan 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jenis-jenis kemudahan kredit utama yang dimanfaatkan oleh PKS ialah pinjaman jangka pendek dan jangka panjang, serta pemajakan. Sebilangan besar perusahaan mikro (57%) menggunakan pembiayaan jangka pendek berbanding dengan 48% daripada perusahaan sederhana. Penggunaan pemajakan sebagai satu pilihan pembiayaan dilihat meningkat mengikut saiz perniagaan, dengan 9% daripada perusahaan mikro, 14% daripada perusahaan kecil dan hampir 17% daripada perusahaan sederhana menggunakan pemajakan bagi membiayai operasi mereka.

Dari segi sektor, PKS dalam sektor pertanian (64%) mencatatkan penggunaan pinjaman jangka pendek yang tertinggi, sementara lebih daripada 51% PKS dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan menggunakan pinjaman jangka pendek. Kira-kira 30% daripada PKS dalam ketiga-tiga sektor ini menggunakan pinjaman jangka panjang. Hampir 14% dan 11% daripada PKS, masing-masing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, menggunakan pemajakan sementara hanya 4% daripada PKS dalam sektor pertanian menggunakan pemajakan bagi membiayai operasi mereka.

### Tujuan Pembiayaan mengikut PKS



Sumber : Banci Pertubuhan dan Perusahaan 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan saiz sampel sebanyak 423,400 PKS, 30% menyatakan bahawa tujuan utama pembiayaan adalah untuk keperluan modal kerja, diikuti oleh keperluan untuk membeli/memajak peralatan/jentera.

Hasil Banci menunjukkan bahawa semakin kecil saiz sesebuah pertubuhan semakin besar keperluan modal kerja. Modal kerja ialah tujuan utama pembiayaan bagi 34% daripada perusahaan mikro, sementara 23% daripada perusahaan kecil dan 18% daripada perusahaan sederhana memerlukan pembiayaan modal kerja. Lebih daripada 33% daripada perusahaan kecil dan sederhana menyatakan pembelian/pemajakan peralatan/jentera sebagai tujuan utama pembiayaan. Secara relatifnya, lebih banyak perusahaan sederhana memerlukan pembiayaan untuk pembiayaan projek dan menambah baik/menaik taraf proses pengeluaran berbanding dengan perusahaan kecil dan mikro.

## Pembiayaan kepada PKS

PKS boleh mendapatkan pembiayaan daripada pelbagai jenis institusi kewangan, termasuk institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), syarikat-syarikat pemajakan dan pemfaktoran, serta syarikat-syarikat modal usaha niaga, yang menyediakan pembiayaan ekuiti. Di samping itu, PKS juga boleh menggunakan pelbagai dana khas yang bertujuan khusus, yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk membantu PKS.

Trend kebelakangan ini menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi pembiayaan yang diberikan kepada PKS. Kesemua penyedia dana utama telah mencatatkan penambahan yang besar dalam pembiayaan yang diberikan kepada PKS. Pinjaman sistem perbankan kepada PKS mencakupi sebanyak 42.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2005, berbanding dengan 30.1% pada akhir tahun 1999. Terdapat sebanyak 81 dana khas Kerajaan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM12.7 bilion tersedia untuk PKS pada akhir tahun 2005.

### (a) Institusi Perbankan

Dengan pembangunan pasaran bon domestik, institusi perbankan memberikan lebih tumpuan terhadap pinjaman kepada PKS, sementara syarikat besar beralih kepada pasaran modal untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka.

Untuk memberi PKS akses yang lebih baik kepada pembiayaan daripada institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah memulakan usaha ke arah menambah baik kemudahan, jangkauan dan perkhidmatan institusi perbankan kepada PKS. Pada masa ini, kesemua bank perdagangan telah:


- Mewujudkan satu unit khusus untuk berurusan dengan pelanggan PKS  
Peranan dan fungsi unit ini meliputi pelbagai isu PKS, daripada isu mengenal pasti dan menstruktur keperluan kewangan yang bersesuaian sehingga menyediakan perkhidmatan pengurusan tunai dan perkhidmatan sokongan lain seperti pengurusan kewangan dan perlindungan insurans.

- Menubuhkan Unit Pembangunan Bumiputera  
Unit ini dipertanggungjawabkan dengan mandat untuk menangani keperluan pembiayaan dan pembangunan usahawan Bumiputera.
- Mewujudkan Unit Aduan  
Unit ini bertujuan menyediakan saluran yang sesuai untuk pelanggan, termasuk PKS, mengemukakan aduan dan bertindak sebagai titik tumpuan dalam bank bagi menguruskan aduan.
- Piagam Pelanggan  
Institusi perbankan dikehendaki memaparkan piagam pelanggan berhubung pemrosesan pinjaman PKS, yang perlu mendedahkan sekurang-kurangnya perkara berikut:
  - Dokumen dan maklumat yang relevan untuk dikemukakan kepada institusi perbankan;
  - Kriteria kelayakan untuk memperoleh pinjaman;
  - Tempoh masa yang diambil untuk memproses satu permohonan pinjaman; dan
  - Keperluan untuk memaklumkan sebab-sebab penolakan kepada pemohon.

Inisiatif yang diambil menyebabkan peningkatan yang ketara dalam pemberian pinjaman kepada PKS dengan pinjaman PKS terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 6.5% sejak tahun 2001, untuk mencapai RM96 bilion atau 42.6% daripada pinjaman perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2005. Kualiti aset PKS yang bertambah baik dalam persekitaran perniagaan dan ekonomi yang kondusif terus menyokong pertumbuhan yang kukuh dalam pemberian pinjaman kepada PKS. Pembiayaan yang diluluskan kepada PKS antara tahun 2002 hingga 2005 secara puratanya berjumlah RM31.2 bilion setahun, sementara pengeluaran pinjaman kepada PKS berpurata pada RM86.9 bilion setahun.

Pada tahun 2005, sistem perbankan meluluskan RM35.8 bilion pinjaman kepada lebih daripada 85,000 akaun PKS, iaitu peningkatan sebanyak 13.3% berbanding dengan tahun 2004 (2004: RM31.6 bilion; 92,000 akaun PKS). Pengeluaran pinjaman berkembang 10.2% kepada RM110.7 bilion (2004: RM100.4 bilion), sementara pinjaman terkumpul kepada PKS berkembang 8.7% kepada RM96 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM88.3 bilion).

### Trend Menaik Pemberian Pinjaman kepada PKS




Sumber : Bank Negara Malaysia

Dari segi sektor, pinjaman kepada PKS adalah pelbagai, dengan hampir dua per tiga daripadanya disalurkan kepada sektor perdagangan edaran, perkilangan dan pembinaan.



## Pinjaman kepada PKS dalam Semua Sektor pada Tahun 2005



Sumber : Bank Negara Malaysia

### (b) Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi kewangan pembangunan (IKP) ialah institusi kewangan khusus yang ditubuhkan untuk mempercepat pertumbuhan sektor strategik yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Fungsi utama IKP adalah untuk menawarkan perkhidmatan kewangan yang tidak disediakan oleh institusi perbankan.

IKP yang menyediakan pembiayaan PKS di Malaysia termasuk SME Bank, EXIM Bank, MIDF, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk syarikat berteknologi tinggi dan ICT.

Pada tahun 2005, IKP telah meluluskan RM2.3 bilion pinjaman kepada 5,225 akaun PKS (2004: RM2.4 bilion kepada 5,397 akaun PKS), dan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM1.5 bilion (2004: RM1.2 bilion). Pinjaman terkumpul IKP kepada PKS meningkat sebanyak 3.3% kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM3 bilion).

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) meneruskan peranannya sebagai penyedia jaminan utama di Malaysia untuk membolehkan PKS yang kekurangan cagaran memperoleh pembiayaan daripada institusi perbankan. Pada akhir tahun 2005, lindungan jaminan terkumpul oleh CGC berjumlah RM6.9 bilion, dengan pinjaman dijamin terkumpul berjumlah RM8.6 bilion.

### **(c) Syarikat Pemajakan dan Pemfaktoran**

Satu lagi sumber pembiayaan untuk PKS ialah syarikat pemajakan dan pemfaktoran.

Jika sebelum ini PKS perlu membeli peralatan mahal yang diperlukan dalam proses pengeluaran mereka, kini syarikat pemajakan memberi PKS pilihan untuk menyewa peralatan, dan dengan ini dapat mengelakkan keperluan perbelanjaan modal permulaan.

Bagi pembiayaan modal kerja pula, PKS kini mempunyai pilihan mencagarkan pendapatan masa depan mereka kepada syarikat pemfaktoran bagi memperoleh pembiayaan untuk modal kerja.

Pada tahun 2005, sebanyak RM819 juta pembiayaan telah diberikan oleh syarikat pemajakan dan pemfaktoran kepada perusahaan perniagaan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan perdagangan am (2004:RM996 juta).

### **(d) Syarikat Modal Usaha Niaga**

Bagi perusahaan perniagaan yang baru ditubuhkan, terutama dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembiayaan juga boleh diperoleh daripada syarikat modal usaha niaga. Pemodal usaha niaga lazimnya memperoleh kepentingan dalam sesebuah perniagaan sebagai tukaran kerana menyediakan modal.

Jumlah dana yang tersedia untuk pelaburan modal usaha niaga meningkat 14.3% kepada RM2.6 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM2.3 bilion). Dana ini dilaburkan dalam 380 buah syarikat berbanding dengan 332 buah syarikat pada akhir tahun 2004.

### **(e) Dana Khas PKS Bank Negara Malaysia**

Bank Negara Malaysia mempunyai beberapa dana khas yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada kewangan pada kos yang berpatutan untuk PKS.

Pada masa ini, Bank Negara Malaysia mempunyai lima dana khas pada kadar pinjaman antara 3.75% hingga 6.00%. Dana ini disalurkan menerusi institusi yang terlibat, yang terdiri daripada institusi perbankan, IKP dan ERF Sdn. Bhd. Dana tersebut ialah:

- Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 (saiz dana: RM6.75 bilion);
- Tabung Usahawan Baru 2 (saiz dana: RM2.85 bilion);
- Tabung untuk Makanan (saiz dana: RM1.3 bilion);
- Tabung Pemulihan untuk Perniagaan Kecil (saiz dana: RM200 juta); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (saiz dana: RM300 juta).

Pada akhir tahun 2005, sejumlah RM11.22 bilion telah diluluskan kepada 24,503 akaun PKS di bawah lima dana tersebut.

#### **(f) Dana Kerajaan untuk PKS**

Selain pembiayaan daripada sektor komersial, Kerajaan turut menyediakan dana untuk PKS. Dana Kerajaan untuk PKS kebanyakannya untuk tujuan pemupukan dan pembangunan.

Pada akhir bulan Disember 2005, terdapat sebanyak 81 dana Kerajaan/skim pembiayaan untuk PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM12.7 bilion. Daripada 81 dana dan skim ini, 49 adalah dalam bentuk pinjaman mudah, manakala selebihnya dalam bentuk geran (20), pembiayaan ekuiti (5) dan dana modal usaha niaga (7). Dana dan skim ini mempunyai pelbagai objektif yang dapat diringkaskan seperti yang berikut:

- Untuk menggalakkan PKS menjadi lebih inovatif dalam menggunakan dan mengadaptasi kepada teknologi dan proses yang sedia ada dan yang baru;
- Untuk meningkatkan kualiti produk;
- Untuk membantu PKS menjalankan kajian kemungkinan pasaran dan teknologi, menyediakan perancangan perniagaan dan merumuskan strategi pasaran dalam negeri dan eksport;
- Untuk menggalakkan pembangunan PKS Bumiputera; dan
- Untuk membantu belia termasuk siswazah untuk menceburi bidang perniagaan.

**Dana dan skim yang ditadbir oleh 22 Kementerian dan Agensi ini telah membantu sebanyak 893,687 PKS dengan baki terkumpul sebanyak RM5.2 bilion pada akhir tahun 2005.**

## Inisiatif Utama bagi Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan

Bil.	Jenis Bantuan	Bil. Skim	Peruntukan (RM bilion)	Permohonan yang diluluskan		Dikeluarkan	Baki Terkumpul
				Bil.	(RM' bilion)		
1	Pinjaman*	49	8.5	855,193	58.0	55.7	4.7
2	Geran	20	2.1	37,670	2.0	1.7	-
3	Ekuiti	5	0.6	704	0.7	0.5	0.4
4	Modal Usaha Niaga	7	1.5	120	0.4	0.3	0.1
	Jumlah	81	12.7	893,687	61.1	58.2	5.2

Sumber : Bank Negara Malaysia

\* Termasuk skim untuk perusahaan mikro – skim kredit mikro (oleh Bank Simpanan Nasional & Bank Pertanian Malaysia), Yayasan Tekun Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia

## Inisiatif Utama bagi Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan

Dasar berhubung dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS pada tahun 2004-2005 tertumpu pada mengukuhkan infrastruktur sedia ada bagi memastikan penyaluran dana kepada PKS yang lebih berkesan, menyediakan sokongan nasihat kewangan dan meningkatkan kesedaran tentang produk kewangan dan program bantuan yang sedia ada untuk PKS.

Satu inisiatif utama juga telah diperkenalkan untuk membantu penyusunan semula hutang PKS yang menghadapi masalah kewangan tetapi mempunyai perniagaan yang berdaya maju.

## (a) **Pemkembangan Keinstitusian**

### • **Penubuhan SME Bank**

SME Bank memulakan operasi pada 3 Oktober 2005 hasil daripada integrasi dan rasionalisasi yang dijalankan antara Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dengan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad.

Matlamat SME Bank adalah untuk menyokong pembangunan sektor PKS. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, SME Bank akan melengkapi institusi perbankan dengan menyediakan perkhidmatan sokongan kewangan dan perniagaan kepada PKS.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh SME Bank termasuk pembiayaan ekuiti, pembiayaan modal kerja, pinjaman bertempoh, sewa beli perindustrian, pemajakan, pemfaktoran, pembiayaan kontrak serta jaminan bank. Selain itu, SME Bank akan juga menyediakan perkhidmatan sokongan perniagaan dan rundingan, seperti khidmat nasihat dan

### • **Transformasi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)**

Salah satu daripada inisiatif untuk mengukuhkan infrastruktur pembiayaan PKS ialah transformasi CGC, yang melibatkan peningkatan peranannya dan menambah rangkaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CGC. Dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, CGC akan mengambil pendekatan yang holistik, dengan menyediakan lebih banyak rangkaian produk penambah baik kredit, khidmat nasihat berhubung dengan kewangan dan pembangunan perniagaan, dan perkhidmatan maklumat kredit, termasuk penarafan kredit perniagaan. Kesemua perkhidmatan ini bertujuan untuk memudahkan lebih banyak pemberian pinjaman kepada PKS, di samping menggalakkan amalan pengurusan kewangan yang baik oleh PKS.

Keanggotaan Lembaga Pengarah CGC telah diperluas dengan memasukkan ahli-ahli yang berpengalaman langsung dalam bidang perniagaan dan kewangan, manakala usaha sedang dijalankan untuk mengukuhkan sumber-sumber CGC.

### • Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil telah ditubuhkan pada 1 November 2003 untuk memudahkan penyusunan semula PKS yang mempunyai perniagaan berdaya maju tetapi dibebani dengan pinjaman tidak berbayar (NPL).

Di bawah mekanisme ini, Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil membuat penilaian bebas atas daya maju perniagaan, penyusunan semula pinjaman dan keperluan pembiayaan PKS.

Pada akhir tahun 2005, 394 permohonan dengan NPL sebanyak RM278 juta telah diterima di bawah skim ini. Daripada jumlah ini, 286 permohonan (73%) yang membabitkan NPL sebanyak RM183 juta

telah diluluskan untuk disusun semula dan RM16 juta pembiayaan baru diluluskan di bawah Tabung Pemulihan untuk Perniagaan Kecil.

Sebanyak 83 kes dengan jumlah NPL sebanyak RM83 juta telah ditolak kerana tidak berdaya maju, sementara 25 kes yang melibatkan NPL sebanyak RM12 juta sedang dinilai.

Prestasi skim ini telah menunjukkan bahawa penyusunan semula NPL adalah lebih penting daripada menyediakan pembiayaan baru dalam memastikan daya maju dan kemapanan PKS yang dibebani masalah kewangan.

### • Khidmat Nasihat Kewangan

Bank Negara Malaysia menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada PKS dalam bidang-bidang yang berikut:

- Maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan;
- Bantuan untuk memudahkan proses permohonan pinjaman; dan
- Nasihat berhubung dengan keperluan kewangan dan masalah PKS.

Pada tahun 2005, jumlah pertanyaan dan bantuan yang dipohon oleh PKS meningkat kepada 4,019 kes (2004: 1,399 kes). Ini mencerminkan bertambahnya kesedaran di kalangan PKS dan juga hasil penubuhan Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK) di Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Daripada jumlah ini, 81% merupakan pertanyaan mengenai dana khas yang disediakan oleh Kerajaan dan nasihat berhubung hal-hal pinjaman, dan 19% merupakan aduan terhadap institusi kewangan, yang kebanyakan bagi kes penolakan pinjaman dan maklum balas yang tidak memuaskan kepada permohonan pinjaman PKS.

## (b) Pembangunan Produk Kewangan Baru untuk PKS

### • Pensekuritian Pinjaman PKS

Pensekuritian pinjaman PKS institusi perbankan akan diperkenalkan. Menerusi pensekuritian, institusi perbankan akan lebih fleksibel dalam menguruskan portfolio pinjaman PKS mereka dan terus meningkatkan kapasiti kewangan mereka untuk memberi pinjaman kepada PKS. Selain itu, pensekuritian juga akan membolehkan PKS secara tidak langsung mempergunakan pasaran modal bagi mendapatkan pembiayaan, lantas menambah sumber pembiayaan untuk mereka.

### • Produk Pembiayaan Perdagangan Baru untuk PKS

Januari 2006, iaitu Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Matawang (MCTF) dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung (IEFS), di bawah pembiayaan konvensional dan Islam. Produk ini bertujuan menggalakkan PKS mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka, terutamanya ke pasaran bukan tradisional seperti negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).

MCTF menyediakan pembiayaan kepada pengeksport langsung Malaysia dalam ringgit and mata wang asing utama dalam bentuk pembiayaan prapenghantaran dan pasca penghantaran. IEFS menyediakan pembiayaan dalam ringgit kepada

pengeksport tidak langsung tanpa rekursa, dengan bank peserta akan mendiskaun invois perdagangan mereka yang timbul daripada pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada pengeksport langsung.

Produk ini akan memberi manfaat kepada PKS dengan mengurangkan kos pembiayaan, tanpa keperluan cagaran. Di bawah pengaturannya, PKS boleh mendapatkan pembiayaan daripada bank peserta, dengan risiko kredit dikongsi antara bank itu dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad.

### • Modal Usaha Niaga untuk Sektor Pertanian

Bagi menyokong objektif Kerajaan untuk merealisasikan potensi sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga, Bank Negara Malaysia mewujudkan dua dana modal usaha niaga sebanyak RM150 juta setiap satu dana untuk sektor pertanian pada tahun 2006.

Matlamat dana itu adalah untuk mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian yang bersepadu

menerusi peruntukan pembiayaan modal usaha niaga, serta sokongan teknikal dan perniagaan, dengan kesan limpahan yang akan memanfaatkan dan mengembangkan seluruh rangkaian nilai sektor pertanian.

Bidang yang disasarkan untuk pelaburan ialah pertanian dan perikanan bersepadu, serta projek berkaitan dengan bioteknologi.

## Melangkah ke Hadapan

Meskipun pelbagai langkah dan amaun pinjaman dan pembiayaan yang besar telah diberikan kepada PKS, dapatan Banci menunjukkan bahawa akses kepada pembiayaan tetap menjadi salah satu isu yang dihadapi oleh PKS.

Bagi memastikan akses kepada pembiayaan yang lebih baik bagi PKS, strategi akan tertumpu pada:

- Mewujudkan dan mengukuhkan pengaturan keinstitutionan yang kondusif untuk keseluruhan spektrum PKS. Ini termasuk penyelarasan inisiatif yang ditadbir melalui pelbagai Agensi dan Kementerian, di bawah bimbingan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan;
- Merangsang persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan lebih banyak pemberian pinjaman oleh institusi kewangan kepada PKS; dan
- Meningkatkan tahap kesedaran berhubung dengan pelbagai pilihan pembiayaan dan inisiatif yang tersedia untuk PKS.



Sementara sistem perbankan akan terus menjadi penyedia dana yang utama kepada PKS, Kerajaan dan agensi-agensinya pula akan terus menyediakan bantuan pembiayaan dalam bentuk dana khas dan pakej pembiayaan kepada kumpulan sasaran.

Walau bagaimanapun, menyedari bahawa pembiayaan semata-mata tidak mencukupi, inisiatif berhubung dengan pembiayaan akan dilengkapi dan disokong oleh program bina upaya supaya PKS berkembang menjadi kukuh dan diurus dengan baik, dengan ini meningkatkan prospek mereka untuk mendapat akses kepada pembiayaan yang lebih baik.

